



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF RAIKAN RAMADAN BERSAMA ANAK-ANAK BAITUL BAROKAH WAL  
MAHABBAH**

***KUALA LUMPUR, 10 Mei 2019*** – Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah meraikan anak-anak dari Pertubuhan Kebajikan Baitul Barokah Wal Mahabbah, Sepang di majlis berbuka puasa yang diadakan di Menara MIDF hari ini.

Turut hadir untuk berbuka puasa bersama anak-anak dari pertubuhan kebajikan tersebut termasuk ahli-ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan kanan serta warga kerja MIDF dan rakan-rakan media. Rombongan yang terdiri daripada 60 anak-anak berumur di antara 7 hingga 12 tahun dan diiringi 5 orang penjaga telah menerima sumbangan 'duit raya' setiap seorang berserta beg gelas dari MIDF. Selain itu, MIDF turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM5,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Baitul Barokah Wal Mahabbah pada majlis tersebut. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Dato' Charon Mokhzani.

Menurut Dato' Charon, "Program ini adalah antara inisiatif tahunan syarikat yang diadakan bagi memupuk dan mengeratkan silaturrahim (ukhuwah) dan keperihatinan di antara kakitangan MIDF dengan golongan yang kurang bernasib baik."

Di samping itu juga, pihak penganjur telah menjemput penceramah bebas, AF Ustaz Mohammad Rozie Bin Mohd Rejab untuk memberi tazkirah ramadan dan mengimamkan solat Maghrib, Isyak dan Terawikh yang turut disertai warga kerja MIDF dan jempunan yang hadir.

###

## **Mengenai MIDF**

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

###

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

### **Irma Mahamad Tahir**

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: [irmawati@midf.com.my](mailto:irmawati@midf.com.my)

### **Farrash Hasbollah**

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (019) 6613 535

Emel: [farrash@midf.com.my](mailto:farrash@midf.com.my)

### **Mastura Md Mukhlas**

Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2772 1832

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 2000 381

Emel: [masturam@midf.com.my](mailto:masturam@midf.com.my)